



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA,  
BAHAGIAN TEKNIKAL,  
TINGKAT 12, BLOK 9,  
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,  
JALAN DUTA, PETI SURAT 11833,  
50758 KUALA LUMPUR,  
MALAYSIA

Telefon: 03-62091000

Faks: 03-62010905

03-62015923

Homepage LHDNM: <http://www.hasil.org.my>

Ruj. Kami : LHDN.01/35/(S)/42/51/259-18-1

Tarikh : 7 Januari 2008

- a. Presiden  
Institut Percukaian Malaysia  
Unit B-13-2, Block B  
13th Floor  
Megan Avenue II  
12 Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur
- b. ~~Presiden  
Malaysian Association of Tax Accountants (MATA)  
15-2, Jalan Wangsa Setia 1  
Wangsa Melawati  
53100 Kuala Lumpur~~

Tuan,

**DASAR MENGENAI KERUGIAN TERKUMPUL DAN ELAUN MODAL YANG TIDAK DISERAP DIBAWA KE HADAPAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(5A) DAN PERENGGAN 75A JADUAL 3, AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang tuan sedia maklum, selaras dengan kuasa YB Menteri Kewangan yang diperuntukkan di bawah subseksyen 44(5D) dan perenggan 75C, Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 iaitu dalam keadaan tertentu YB Menteri Kewangan boleh mengecualikan sesuatu syarikat daripada pemakaian peruntukan subseksyen 44(5A) dan perenggan 75A Jadual 3, ACP 1967. Selaras dengan kuasanya itu, pada 21 April 2006 YB Menteri Kewangan telah mengumumkan satu dasar mengenai peraturan berkenaan dimana YB Menteri akan mempertimbangkan pengecualian daripada pemakaian peruntukan subseksyen 44(5A) dan perenggan 75A Jadual 3, ACP 1967 untuk aktiviti-aktiviti seperti penswastan syarikat milik kerajaan, nasionalisasi dan arahan Kerajaan untuk *reorganization*, penstrukturan semula, penggabungan atau pengambilalihan syarikat kerajaan.

3. Walau bagaimanapun, melalui suratnya bertarikh 7 Disember 2007 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), YB Menteri Kewangan telah menggantikan dasar dan garis panduan berkenaan dengan dasar yang baharu iaitu YB Menteri Kewangan bersetuju memperluaskan lagi aktiviti yang dibenarkan bagi melayakkan sesuatu syarikat itu dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 44(5A) dan perenggan 75A Jadual 3, ACP 1967. Dengan keputusan ini, sesebuah syarikat yang mengalami perubahan sebahagian besar dalam pemegangan syer (iaitu 50% atau lebih) adalah dibenarkan membawa ke hadapan kerugian larasan perniagaan terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap untuk diserap dalam tahun taksiran itu dan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya **KEQUALI** perubahan sebahagian besar pemegangan syer yang berlaku dalam syarikat *dormant*. Dasar baharu ini dianggap berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2006.

5. Selaras dengan keputusan dasar ini, sukacita sekiranya dapat pihak tuan memaklumkan semua ahli-ahli tuan berhubung keputusan ini. Harap maklum pemakluman ini juga akan dipaparkan di laman *web* LHDNM.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**[ HALIJAH BINTI BULAT ]**

Pengarah

Jabatan Teknikal

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

NMZ/259-18/2008